

AKTA PASARAN MODAL DAN PRKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II

AKTIVITI TERKAWAL SAMPINGAN

2. Aktiviti terkawal sampingan

BAHAGIAN III

DEPOSIT

3. Pemakaian Bahagian ini
4. Deposit
5. Penyenggaraan deposit
6. Akaun simpanan tetap
7. Penggunaan deposit
8. Tatacara tuntutan pampasan
9. Pemulangan deposit

BAHAGIAN IV

NOTA KONTRAK DAN PENYIMPANAN REKOD

10. Tafsiran
11. Nota kontrak yang dikeluarkan oleh pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan dagangan dalam kontrak niaga hadapan
12. Nota Kontrak yang dikeluarkan oleh pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga sekuriti
13. Nota kontrak elektronik

14. Rekod dagangan oleh pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan dagangan dalam kontrak niaga hadapan

BAHAGIAN V

TABUNG PAMPASAN

15. Pentadbiran tabung pampasan
16. Maklumat yang hendaklah dibekalkan kepada Suruhanjaya
17. Notis memanggil tuntutan terhadap tabung pampasan
18. Tatacara tuntutan
19. Fungsi dan kuasa bursa saham yang berkaitan
20. Pengemukaan dokumen
21. Penentuan tuntutan oleh bursa saham yang berkaitan
22. Tuntutan bagi pampasan dari tabung pampasan
23. Rayuan kepada Suruhanjaya
24. Penangguhan pembayaran sementara menunggu rayuan

BAHAGIAN VI

TABUNG KESETIAAN

25. Pentadbiran tabung kesetiaan
26. Maklumat yang kena diberikan kepada Suruhanjaya
27. Notis memanggil tuntutan terhadap tabung kesetiaan
28. Tatacara tuntutan
29. Fungsi dan kuasa bursa niaga hadapan yang berkaitan
30. Pengemukaan dokumen
31. Penentuan tuntutan oleh bursa niaga hadapan yang berkaitan
32. Tuntutan bagi pampasan daripada tabung kesetiaan
33. Rayuan kepada Suruhanjaya
34. Penangguhan pembayaran sementara menunggu rayuan

BAHAGIAN VII

FI

35. Fi

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 141, 151 dan 378 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Act 671], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007**.
- (2) Peraturan-peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 September 2007.

BAHAGIAN II

AKTIVITI TERKAWAL SAMPINGAN

Aktiviti terkawal sampingan

2. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), seseorang yang dilesenkan untuk menjalankan suatu aktiviti terkawal tertentu yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama boleh menjalankan aktiviti terkawal sampingan lain yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

(2) Aktiviti terkawal sampingan itu hendaklah dijalankan semata-mata bersampingan dengan aktiviti terkawal berlesen dan hendaklah disifatkan telah dijalankan sedemikian jika orang berlesen itu mematuhi semua kehendak yang dinyatakan oleh Suruhanjaya berhubung dengan aktiviti terkawal sampingan itu.

BAHAGIAN III

DEPOSIT

Pemakaian Bahagian ini

3. Bahagian ini hendaklah terpakai kepada pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan —

- (a) urusan berniaga dalam sekuriti tetapi bukan sebagai organisasi peserta; atau
- (b) urusan pengurusan kumpulan wang.

Deposit

4. (1) Deposit yang diserahkan simpan dengan Suruhanjaya menurut seksyen 70 Akta hendaklah disertakan dengan borang yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Deposit hendaklah dibayar mengikut cara yang berikut:

- (a) secara tunai atau dalam bentuk draf bank yang kena dibayar kepada Suruhanjaya;

- (b) melalui penyerahsimpanan sijil deposit tetap atas nama Suruhanjaya bagi akaun pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal; atau
- (c) melalui penyerahsimpanan suatu jaminan bank atau surat kredit yang dikeluarkan oleh suatu institusi berlesen atas terma dan syarat-syarat sebagaimana yang boleh diluluskan oleh Suruhanjaya.

(3) Jika deposit yang dibayar adalah dalam bentuk penyerahsimpanan suatu jaminan bank atau suatu surat kredit menurut perenggan (2)(c), pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah memastikan bahawa jaminan bank itu atau surat kredit itu adalah pada setiap masa sah dan diperbaharui sebelum habis tempohnya.

(4) Jika pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal memperbaharui jaminan bank atau surat kredit sebagaimana yang dikehendaki di bawah subperaturan (3), pemegang itu hendaklah menyerahkan jaminan bank atau surat kredit yang diperbaharui itu dengan Suruhanjaya.

(5) Suruhanjaya hendaklah membuka dan menyenggara satu atau lebih akaun di suatu institusi berlesen yang dalamnya Suruhanjaya akan membayar semua wang yang diterima sebagai deposit.

Penyenggaraan deposit

5. (1) Jika amaun deposit yang diserahkan oleh pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dalam bentuk wang tunai adalah pada bila-bila masa dikurangkan sehingga di bawah satu ratus lima puluh ribu ringgit, pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal hendaklah menyerahkan

simpan jumlah tambahan itu sebagai deposit supaya jumlah deposit yang diserahkan simpan ialah satu ratus lima puluh ribu ringgit.

(2) Jika amaun deposit yang diserahkan simpan oleh pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal ialah dalam bentuk jaminan bank, surat kredit atau jika kontrak insurans dibuat bagi penanggungrugian tuntutan terhadap pemohon, pemegang itu hendaklah pada setiap masa memastikan dan menyenggara deposit dalam bentuk jaminan bank, surat kredit atau kontrak insurans, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah memadai untuk memenuhi tuntutan yang dibuat terhadap pemegang itu sehingga amaun satu ratus lima puluh ribu ringgit.

Akaun simpanan tetap

6. (1) Suruhanjaya boleh mendeposit semua wang yang diserahkan simpan menurut seksyen 70 Akta yang tidak dikehendaki dengan serta-merta bagi apa-apa maksud lain di bawah Peraturan-Peraturan ini ke dalam suatu akaun simpanan tetap.

(2) Jika Suruhanjaya telah mendeposit wang ke dalam akaun simpanan tetap di bawah subperaturan (1), Suruhanjaya hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepas berakhirnya tahun itu, melalui notis secara bertulis kepada pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal —

- (a) mengisytiharkan suatu kadar bunga yang akan dibayar bagi tahun itu berkenaan dengan deposit itu;
- (b) menentukan secara bertulis cara dan masa pembayaran bunga itu; dan

- (c) menentukan secara bertulis suatu amaun yang akan dicaj bagi perbelanjaan pentadbiran yang ditanggung oleh Suruhanjaya dalam mentadbir deposit itu.

(3) Dengan seberapa segera yang boleh selepas notis dikeluarkan di bawah subperaturan (2), Suruhanjaya hendaklah, selepas menolak amaun yang dicaj berkenaan dengan perbelanjaan pentadbirannya, membayar kepada pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, amaun bunga yang sesuai yang patut dibayar berkenaan dengan deposit itu bagi tahun berkenaan.

Penggunaan deposit

7. (1) Suatu deposit yang diserahkan simpan dengan Suruhanjaya hendaklah digunakan bagi tujuan memberi pampasan kepada seseorang yang menanggung kerugian kewangan disebabkan oleh—

- (a) penggelapan atau penyalahgunaan wang atau harta lain secara fraud, oleh mana-mana pengarah, pegawai, pekerja atau wakil; atau
- (b) ketidaksolvenan,

pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal itu.

(2) Kerugian kewangan yang disebut di bawah subperaturan (1) adalah kerugian yang ditanggung berkenaan dengan wang atau harta lain yang diamanahkan kepada atau diterima oleh —

- (a) pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, berkaitan dengan perniagaannya; atau

(b) mana-mana pengarah, pegawai, pekerja atau wakil pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal,

bagi atau bagi pihak orang yang menanggung kerugian atau orang lain atau kerana pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal adalah seorang pemegang amanah wang itu atau harta lain.

(3) Tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini, setiap orang yang menanggung kerugian kewangan yang disebut dalam subperaturan (1) adalah berhak untuk menuntut sebagai pampasan daripada deposit yang berkenaan satu ratus lima puluh ribu ringgit yang diserahkan dengan Suruhanjaya.

(4) Suruhanjaya boleh, jika berpuas hati dengan penilaian dokumen atau maklumat lain yang dikemukakan berkenaan suatu tuntutan, membenarkan tuntutan itu walaupun tiada pendakwaan atau pensabitan berkenaan dengan penggelapan atau penyalahgunaan wang atau harta lain secara fraud.

(5) Jika pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal menjadi tidak solven dan pelikuidasi dilantik berkenaan pemegang itu, Suruhanjaya hendaklah membayar deposit berserta bunga, jika terpakai, kepada pelikuidasi itu.

Tatacara tuntutan pampasan

8. (1) Suruhanjaya boleh menyebabkan disiarkan dalam tidak kurang daripada dua akhbar harian, yang diterbitkan dan diedarkan secara umum di Malaysia, satu dalam bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam bahasa Inggeris, suatu notis dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, menentukan suatu tarikh, yang tidak lebih awal dari tiga bulan selepas penyiaran notis itu atau apa-apa tempoh lain yang lebih lama sebagaimana dinyatakan dalam notis itu, yang pada atau sebelum tarikh itu tuntutan bagi pampasan

berhubung dengan deposit yang diserahkan simpan oleh orang yang dinyatakan dalam notis itu boleh dibuat.

(2) Jika suatu notis di bawah subperaturan (1) disiarkan, suatu tuntutan bagi pampasan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Suruhanjaya pada atau sebelum tarikh yang dinyatakan dalam notis itu dan apa-apa tuntutan yang tidak dibuat sedemikian hendaklah tidak dibenarkan melainkan jika Suruhanjaya membenarkan selainnya.

(3) Jika tiada notis di bawah subperaturan (1) disiarkan, suatu tuntutan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Suruhanjaya dalam masa enam bulan selepas pihak yang membuat tuntutan menyedari penggelapan atau penyalahgunaan wang atau harta lain secara fraud oleh mana-mana pengarah, pegawai, pekerja atau wakil dan apa-apa tuntutan yang tidak dibuat sedemikian hendaklah tidak dibenarkan melainkan jika Suruhanjaya membenarkan selainnya.

(4) Apabila diterima tuntutan di bawah subperaturan (3), Suruhanjaya hendaklah dengan serta-merta menyiarkan suatu notis menurut subperaturan (1) dan subperaturan (2) hendaklah terpakai.

(5) Suruhanjaya hendaklah, tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini dan selepas siasatan sebagaimana yang Suruhanjaya fikirkan sesuai, membenarkan atau tidak membenarkan apa-apa tuntutan.

(6) Jika Suruhanjaya membenarkan mana-mana tuntutan, ia hendaklah —

(a) menentukan amaun tuntutan yang kena dibayar;

- (b) menentukan masa pembayaran amaun yang disebut dalam perenggan (a); dan
- (c) membayar atau menyebabkan dibayar amaun daripada deposit pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang berkaitan kepada pihak yang membuat tuntutan itu.

(7) Tertakluk kepada subperaturan (8), amaun yang mana-mana pihak berhak menuntut sebagai pampasan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah amaun kerugian sebenar yang ditanggung olehnya dan apa-apa kos yang munasabah dan pembayaran yang bersampingan dengan pembuatan dan pembuktian tuntutannya setelah ditolak nilai semua wang atau faedah-faedah lain yang diterima atau yang boleh diterima olehnya dari mana-mana sumber selain deposit di bawah Peraturan-Peraturan ini dalam pemotongan kerugian itu.

(8) Semasa membenarkan tuntutan di bawah perenggan (6), Suruhanjaya hendaklah memberi perhatian kepada peruntukan yang berikut:

- (a) jika hanya satu amaun sahaja ditentukan dan amaun itu tidak melebihi deposit, amaun itu hendaklah dibayar secara penuh;
- (b) jika dua amaun atau lebih ditentukan dan amaun itu tidak melebihi deposit mengikut agregat, amaun itu hendaklah dibayar secara penuh;
- (c) jika hanya satu amaun sahaja ditentukan dan amaun itu melebihi deposit, hanya sekian banyak daripada amaun itu yang tidak melebihi deposit hendaklah dibayar; dan

- (d) jika dua amaun atau lebih ditentukan dan amaun-amaun itu melebihi deposit mengikut agregat, hanya sekian banyak daripada setiap amaun itu yang sama kadarnya mengikut amaun yang sama dengan deposit itu hendaklah dibayar.

Pemulangan deposit

9. (1) Suruhanjaya hendaklah memulangkan deposit yang dibayar oleh mana-mana pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal jika —

- (a) suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dibatalkan di bawah seksyen 72 Akta;
- (b) pembaharuan suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal ditolak di bawah seksyen 64 Akta; atau
- (c) suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal diserahkan di bawah seksyen 81 Akta.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), Suruhanjaya hendaklah apabila berpuas hati bahawa perkiraan yang memadai telah dibuat untuk memenuhi semua tanggungan dan obligasi pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal memulangkan—

- (a) deposit beserta bunga, jika terpakai, setelah ditolak mana-mana perbelanjaan pentadbiran; atau
- (b) baki deposit beserta bunga, jika terpakai, setelah ditolak mana-mana perbelanjaan pentadbiran jika —

- (i) mana-mana bahagian daripada deposit itu telah dibayar terdahulu di bawah peraturan 8; atau
- (ii) suatu tuntutan berkenaan dengan deposit itu telah dibenarkan terdahulu di bawah Peraturan-peraturan ini.

BAHAGIAN IV

NOTA KONTRAK DAN PENYIMPANAN REKOD

Tafsiran

10. (1) Dalam Bahagian ini –

"akaun sekuriti" mempunyai erti yang diberikan, kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [*Akta 453*];

"hari pasaran" ertinya hari bursa saham atau bursa niaga hadapan dibuka bagi dagangan;

"transaksi" ertinya mana-mana transaksi bagi penjualan atau pembelian sekuriti yang dibuat oleh pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal sama ada sebagai prinsipal atau bagi pihak orang lain.

(2) Suatu sebutan dalam Bahagian ini mengenai pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang berniaga dalam sekuriti atau membuat suatu transaksi sebagai prinsipal termasuklah sebutan mengenai orang –

- (a) yang berniaga dalam sekuriti atau membuat transaksi bagi pihak orang yang bersekutu dengannya;

- (b) yang berniaga dalam sekuriti bagi pihak pertubuhan perbadanan yang dia mempunyai kepentingan mengawal; atau
- (c) yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti bagi pihak suatu pertubuhan perbadanan yang kepentingannya dan kepentingan pengarahnya bersama-sama menjadi suatu kepentingan mengawal.

(3) Bagi maksud subperaturan (2), seseorang tidak bersekutu dengan seseorang lain semata-mata oleh sebab bahawa dia adalah seorang pengarah suatu pertubuhan perbadanan yang orang satu lagi itu adalah juga seorang pengarah, sama ada atau tidak pertubuhan perbadanan itu menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti.

Nota kontrak yang dikeluarkan oleh pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan dagangan dalam kontrak niaga hadapan

11. (1) Pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan dagangan dalam kontrak niaga hadapan hendaklah, tidak lewat dari berakhirnya hari pasaran yang berikut selepas transaksi yang berhubungan dengan dagangan kontrak niaga hadapan telah dibuat, memberikan suatu nota kontrak yang mematuhi peraturan ini kepada kliennya berkenaan dengan transaksi itu.

(2) Bagi maksud pematuhan peraturan ini, suatu nota kontrak berkenaan dengan suatu transaksi yang berhubungan dengan kontrak niaga hadapan yang bukan opsiyen dagangan-bursa layak atau opsiyen niaga hadapan hendaklah termasuk maklumat yang berikut:

- (a) nama dan alamat tempat utama perniagaan pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal;
- (b) nama dan alamat klien;
- (c) suatu perihalan kontrak niaga hadapan yang mencukupi untuk mengenal pasti sifat transaksi itu, termasuklah —
 - (i) dalam hal suatu perjanjian hantar-serah layak, suatu perihalan surat cara itu;
 - (ii) dalam hal suatu perjanjian pelarasan, suatu perihalan keadaan yang menjadi subjek perjanjian pelarasan itu; dan
 - (iii) bulan dan tahun bagi pelaksanaan atau penyelesaian kontrak niaga hadapan itu;
- (d) nama bursa niaga hadapan yang pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal adalah seorang anggota gabungan;
- (e) deposit yang telah dibayar atau kena dibayar berkenaan dengan transaksi itu;
- (f) harga yang padanya transaksi itu dijalankan oleh pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal;
- (g) tarikh transaksi itu;
- (h) sama ada transaksi itu-

- (i) adalah untuk membeli kontrak niaga hadapan;
 - (ii) adalah untuk menjual kontrak niaga hadapan; atau
 - (iii) terdiri daripada suatu kombinasi tindakan yang disebut dalam subperenggan (i) atau (ii);
- (i) bilangan atau nombor kontrak niaga hadapan itu;
 - (j) sama ada atau tidak transaksi itu adalah dagangan pelikuidasian;
 - (k) nama, atau apa-apa jenis pengenalan lain mengenai wakil pemegang yang mengendalikan akaun klien;
 - (l) nombor akaun klien;
 - (m) suatu pernyataan yang menyatakan bahawa transaksi dalam nota kontrak yang dikeluarkan hendaklah tertakluk kepada kaedah-kaedah bursa niaga hadapan yang berkaitan;
 - (n) nombor rujukan nota kontrak; dan
 - (o) kadar dan amaun komisyen, levi, duti, dan fi dan cukai lain yang kena dibayar berkenaan dengan transaksi itu.

(3) Bagi maksud mematuhi peraturan ini, suatu nota kontrak berkenaan dengan suatu transaksi yang berhubungan dengan kontrak niaga

hadapan yang merupakan opsi dagangan-bursa layak atau opsi niaga hadapan hendaklah menyertakan maklumat yang berikut:

- (a) perkara yang dinyatakan dalam perenggan (2)(a), (b), (d), (e), (f), (g), (i), (j), (k) dan (o);
- (b) suatu perihalan opsi itu yang mencukupi untuk mengenal pasti sifat transaksi itu, termasuklah-
 - (i) dalam hal suatu opsi dagangan-bursa layak-
 - (A) suatu perihalan surat cara atau keadaan yang menjadi subjek opsi itu; dan
 - (B) harga atau nilai surat cara atau paras berangka keadaan yang menjadi subjek opsi yang padanya pembeli opsi boleh menjalankan opsi itu;
 - (ii) dalam hal suatu opsi niaga hadapan-
 - (A) suatu perihalan kontrak niaga hadapan yang menjadi subjek opsi itu;
 - (B) bulan dan tahun bagi pelaksanaan atau penyelesaian kontrak niaga hadapan yang menjadi subjek opsi itu; dan
 - (C) harga kontrak niaga hadapan yang menjadi subjek opsi yang padanya pembeli opsi itu boleh menjalankan opsi itu; dan

- (iii) sama ada opsiyen itu adalah opsiyen panggilan atau letakan;
- (c) tarikh menjelang atau yang padanya pembeli opsiyen, untuk menjalankan opsiyen itu, hendaklah mengisytiharkan niat untuk menjalankan opsiyen itu;
- (d) sama ada transaksi itu-
 - (i) adalah untuk membeli opsiyen;
 - (ii) adalah untuk menjual opsiyen;
 - (iii) adalah untuk menjalankan opsiyen; atau
 - (iv) terdiri daripada suatu kombinasi dua atau lebih perbuatan yang disebut dalam subperenggan (i), (ii) atau (iii);
- (e) nombor akaun klien;
- (f) suatu pernyataan yang menyatakan bahawa transaksi dalam nota kontrak yang dikeluarkan hendaklah tertakluk kepada kaedah-kaedah bursa niaga hadapan yang berkaitan; dan
- (g) nombor rujukan nota kontrak itu.

(4) Suatu nota kontrak boleh mengandungi butir-butir mengenai lebih daripada satu transaksi yang telah diurusniagakan dalam satu hari pasaran berhubung dengan seorang klien.

(5) Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan perdagangan kontrak niaga hadapan tidak boleh memasukkan ke dalam suatu nota kontrak yang dikeluarkan di bawah peraturan tersebut suatu nama yang diketahuinya atau semunasabahnya dijangkakan untuk mengetahui bukan nama yang klien itu lazimnya dikenali sebagai nama klien yang dengannya dia telah membuat transaksi itu.

Nota Kontrak yang dikeluarkan oleh pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti

12. (1) Pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti hendaklah, tidak lewat daripada berakhirnya hari pasaran berikutnya selepas transaksi itu telah dibuat, memberikan suatu nota kontrak yang mematuhi Bahagian ini kepada kliennya berkenaan dengan transaksi itu.

(2) Suatu nota kontrak yang diberikan oleh pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti hendaklah termasuk maklumat yang berikut:

- (a) nama dan alamat tempat utama perniagaan pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal;
- (b) nama bursa saham yang pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal adalah suatu organisasi peserta;
- (c) nama dan alamat klien;
- (d) tarikh transaksi itu;

- (e) nombor akaun pelanggan;
- (f) nombor akaun sekuriti yang berkaitan dengan transaksi itu, jika berkenaan;
- (g) suatu pernyataan yang menyatakan bahawa transaksi dalam nota kontrak yang dikeluarkan adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah bursa saham yang berkaitan;
- (h) nombor rujukan nota kontrak;
- (i) nama, atau apa-apa jenis pengenalan lain, wakil pemegang yang mengendalikan akaun klien itu;
- (j) berkenaan dengan suatu transaksi yang pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bertindak bagi pihak seseorang yang bukan pemegang, suatu pernyataan sama ada dia bertindak sebagai prinsipal berkenaan dengan transaksi itu;
- (k) berkenaan dengan suatu transaksi yang bukan suatu transaksi dalam perjalanan urusan biasa di suatu pasaran saham suatu bursa saham, suatu pernyataan yang bermaksud sedemikian;
- (l) bilangan dan perihalan sekuriti yang diurusniagakan;
- (m) harga seunit bagi sekuriti itu;
- (n) jumlah amaun balasan bagi transaksi itu;

- (o) butir-butir rujukan sekuriti itu seperti nombor-nombor kod yang melaluinya sekuriti itu dikenal pasti oleh suatu bursa saham;
- (p) suatu pernyataan mengenai sama ada harga yang dibayar bagi transaksi itu termasuk atau tidak termasuk faedah bagi apa-apa tindakan perbadanan yang disertakan bersama transaksi itu seperti pembayaran dividen, hak atau terbitan bonus;
- (q) kadar dan amaun komisyen yang dicaj;
- (r) amaun duti setem yang kena dibayar;
- (s) tarikh penghantaran sekuriti dan penyelesaian;
- (t) fi lain, jika ada, yang dicaj; dan
- (u) berkenaan dengan sekuriti bukan ekuiti yang mempunyai kematangan atau tarikh tamat tempoh, kematangan atau tarikh tamat tempoh sekuriti itu.

(3) Suatu nota kontrak boleh mengandungi butir-butir bagi lebih daripada satu transaksi yang telah diurusniagakan dalam satu hari pasaran berhubung dengan seorang klien dan jika ini halnya, yang berikut hendaklah terpakai:

- (a) hendaklah terdapat pecahan butir-butir dalam perenggan 2(i), (j), (k), (l), (m), (n), (o), (p), (q), (r), (s) dan (t) bagi setiap transaksi; dan

(b) hendaklah terdapat suatu pernyataan yang bermaksud bahawa ketidaksahan mana-mana satu transaksi bagi apa-apa sebab jua pun tidak akan membatalkan segala transaksi lain yang direkodkan dalam nota kontrak itu.

(4) Seorang pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti tidak boleh memasukkan ke dalam suatu nota kontrak yang dikeluarkan di bawah peraturan ini suatu nama yang diketahuinya atau semunasabahnya dijangkakan untuk mengetahui bukan nama yang klien itu lazimnya dikenali sebagai nama klien yang dengannya dia telah membuat transaksi itu

Nota kontrak elektronik

13. Suatu nota kontrak yang dikeluarkan oleh pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah peraturan 11 atau 12 boleh dalam bentuk elektronik dengan syarat bahawa pengeluaran nota kontrak itu mematuhi sepenuhnya peraturan 11 dan 12 dan kehendak yang ditentukan oleh Suruhanjaya, jika ada.

Rekod dagangan oleh pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan dagangan dalam kontrak niaga hadapan

14. (1) Pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan urusan dagangan dalam kontrak niaga hadapan hendaklah menyimpan rekod yang merekodkan dan menerangkan dengan betul dagangan dalam kontrak niaga hadapan oleh pemegang itu atas akaun pemegang itu sendiri.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subperaturan (1) dan subseksyen 104(7) Akta, pemegang hendaklah menyimpan rekod butir-butir yang disebut dalam subperaturan (1) mengikut kaedah-kaedah bursa niaga hadapan.

(3) Rekod hendaklah disimpan selama tempoh lima tahun kecuali rekod yang disimpan dalam bentuk pita audio magnetik yang tempoh pengekalannya hendaklah ditentukan mengikut kaedah-kaedah bursa niaga hadapan.

BAHAGIAN V

TABUNG PAMPASAN

Pentadbiran tabung pampasan

15. Suatu tabung pampasan yang diwujudkan dan disenggarakan oleh suatu bursa saham yang berkaitan di bawah seksyen 141 Akta hendaklah ditadbirkan dengan cara dan di bawah hal keadaan yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini.

Maklumat yang hendaklah dibekalkan kepada Suruhanjaya

16. Dengan secepat yang boleh dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, bursa saham yang berkaitan hendaklah memaklumkan Suruhanjaya secara bertulis mengenai perkara yang berikut:

- (a) jika tabung itu dilaburkan di bawah perenggan 151(a) Akta –
 - (i) butir-butir institusi berlesen yang dalamnya deposit tetap itu dibuat;

- (ii) kadar atau kadar-kadar bunga yang berkaitan yang dibayar ke atas deposit tetap bagi tahun kewangan itu;
 - (iii) jumlah amaun bunga yang diterima atas deposit tetap itu bagi tahun kewangan itu; dan
 - (iv) cara dan masa pembayaran bunga itu;
- (b) jika tabung itu dilaburkan di bawah perenggan 151(b) Akta –
- (i) sekuriti yang dalamnya bursa saham yang berkaitan telah melaburkan tabung itu;
 - (ii) kenaikan atau penyusutan nilai bagi pelaburan yang dipegang; dan
 - (iii) dividen yang diisytiharkan dan dibayar berkenaan dengan sekuriti itu;
- (c) amaun yang akan dicaj untuk memenuhi perbelanjaan yang dilakukan atau yang terlibat dalam pentadbiran tabung pampasan;
- (d) suatu salinan laporan juruaudit yang dibuat di bawah subseksyen 145(3) Akta; dan
- (e) apa-apa maklumat lain berkenaan dengan tabung itu.

Notis memanggil tuntutan terhadap tabung pampasan

17. (1) Suatu bursa saham yang berkaitan boleh menyebabkan disiarkan suatu notis bagi memanggil tuntutan terhadap tabung pampasan yang

menyatakan suatu tarikh, yang tidak lebih awal daripada tiga bulan selepas penyiaran notis itu atau apa-apa tempoh lain yang lebih lama sebagaimana yang boleh ditentukan dalam notis itu, yang pada atau sebelum tarikh itu tuntutan bagi pampasan boleh dibuat daripada tabung pampasan, berhubung dengan perkara yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Notis yang dirujuk dalam subperaturan (1) hendaklah di disiarkan dalam —

(a) suatu akhbar harian dalam bahasa kebangsaan; dan

(b) suatu akhbar harian dalam bahasa Inggeris,

yang diterbitkan dan diedarkan secara umum di Malaysia.

Tatacara tuntutan

18. (1) Suatu tuntutan bagi pampasan hendaklah dibuat secara bertulis kepada bursa saham yang berkaitan —

(a) jika suatu notis di bawah peraturan 17 telah disiarkan, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu; atau

(b) jika tiada notis sedemikian disiarkan, dalam masa enam bulan selepas pihak yang membuat tuntutan itu menyedari hal keadaan yang disebut dalam seksyen 152 Akta yang menimbulkan tuntutan itu..

(2) Mana-mana tuntutan yang tidak dibuat dalam tempoh yang ditentukan dalam subperaturan (1) hendaklah ditolak, melainkan jika bursa saham yang berkaitan memutuskan sebaliknya.

Fungsi dan kuasa bursa saham yang berkaitan

19. (1) Bursa saham yang berkaitan boleh mewujudkan prosedur yang adil dan munasabah dalam penyiasatannya mengenai apa-apa tuntutan yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Bursa saham yang berkaitan boleh, sama ada atas kehendaknya atau atas permohonan oleh mana-mana orang, memanggil dan memeriksa saksi-saksi yang dianggapnya material dalam penyiasatannya mengenai suatu tuntutan.

(3) Bursa saham yang berkaitan hendaklah menyebabkan segala rekod prosidingnya disenggarakan dalam bentuk yang sewajarnya.

Pengemukaan dokumen

20. (1) Bursa saham yang berkaitan boleh pada bila-bila masa menghendaki mana-mana orang untuk memberikan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen atau pernyataan keterangan bagi maksud –

- (a) menyokong suatu tuntutan bagi pampasan daripada tabung pampasan bursa saham yang berkaitan itu;
- (b) menjalankan kuasanya terhadap suatu organisasi peserta bursa saham yang berkaitan itu; atau
- (c) membenarkan prosiding sivil atau jenayah diambil terhadap seseorang berkenaan dengan suatu penggelapan atau penyalahgunaan wang atau harta lain secara fraud.

(2) Bursa saham yang berkaitan boleh tidak membenarkan tuntutan seseorang yang tidak memberikan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen atau pernyataan keterangan sebagaimana yang dikehendaki oleh bursa saham yang berkaitan di bawah perenggan (1)(a) dalam masa satu bulan atau apa-apa tempoh lain yang lebih lama sebagaimana bursa saham yang berkaitan boleh menentukan.

Penentuan tuntutan oleh bursa saham yang berkaitan

21. (1) Bursa saham yang berkaitan hendaklah setelah penyiasatan yang wajar membuat suatu penentuan mengenai perkara yang berikut:

- (a) sama ada tuntutan itu sepatutnya dibenarkan, dibenarkan sebahagiannya atau tidak dibenarkan;
- (b) jika tuntutan itu dibenarkan atau dibenarkan sebahagiannya –
 - (i) jumlah amaun pampasan yang kena dibayar;
 - (ii) amaun kos munasabah dan pembayaran yang kena dibayar ke atasnya; dan
 - (iii) masa pembayaran amaun yang disebut dalam subperenggan (i) dan (ii); dan
- (c) jika tuntutan itu dibenarkan atau dibenarkan sebahagiannya, syarat yang dikenakan kepadanya, jika ada; dan
- (d) jika tuntutan itu dibenarkan sebahagiannya atau tidak dibenarkan, nyatakan sebab dibenarkan sebahagiannya

atau tidak dibenarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Penentuan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan dari tarikh suatu tuntutan dibuat terhadap tabung itu atau dalam tempoh yang lebih lama sebagaimana yang bursa saham yang berkaitan boleh membenarkan dalam mana-mana hal tertentu.

(3) Suatu penentuan bursa saham yang berkaitan hendaklah dibuat secara bertulis dan boleh berkenaan dengan mana-mana orang atau kelas orang.

(4) Jika bursa saham yang berkaitan membuat suatu penentuan, ia hendaklah secepat yang boleh dilaksanakan menyampaikan notis secara bertulis melalui pos berdaftar mengenai penentuannya atas pihak yang membuat tuntutan itu.

(5) Suatu notis penentuan hendaklah –

(a) menyatakan sama ada tuntutan itu dibenarkan, dibenarkan sebahagiannya atau tidak dibenarkan;

(b) dalam hal suatu tuntutan yang telah dibenarkan atau dibenarkan sebahagiannya menyatakan –

(i) jumlah amaun pampasan yang kena dibayar;

(ii) amaun kos yang kena dibayar ke atasnya; dan

(iii) masa pembayaran amaun yang disebut dalam subperenggan (i) dan (ii); dan

- (c) jika tuntutan itu dibenarkan atau dibenarkan sebahagiannya, nyatakan syarat-syarat yang akan dikenakan padanya, jika ada; dan
- (d) dalam hal suatu tuntutan yang telah dibenarkan sebahagiannya atau tidak dibenarkan, menyatakan sebab-sebab dibenarkan sebahagiannya atau tidak dibenarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Jika bursa saham yang berkenaan berpuas hati bahawa suatu kejadian penggelapan atau, penyalahgunaan wang atau harta lain secara fraud atau ketidaksolvenan suatu organisasi peserta telah berlaku yang menjadi asas tuntutan itu, ia boleh membenarkan suatu tuntutan walau apa pun apa-apa prosiding telah dimulakan atau diambil di mahkamah berkenaan dengan penggelapan, penyalahgunaan wang atau harta lain secara fraud atau ketidaksolvenan itu.

Tuntutan bagi pampasan daripada tabung pampasan

22. (1) Amaun maksimum pampasan yang boleh dibayar kepada seseorang di bawah Peraturan-peraturan ini, setelah menolak jumlah amaun atau nilai semua amaun atau faedah lain yang diterima atau boleh diterima oleh orang itu daripada suatu sumber selain tabung itu dalam pengurangan kerugian di bawah Peraturan-Peraturan ini, adalah satu ratus ribu ringgit bagi setiap tuntutan termasuk kos munasabah dan pembayaran dalam membuat dan membuktikan tuntutan.

(2) Jika amaun kredit dalam suatu tabung pampasan tidak mencukupi untuk membayar jumlah amaun kesemua tuntutan yang telah dibenarkan di bawah peraturan 21 atau yang berkenaan dengannya suatu keputusan telah

dibuat oleh Suruhanjaya di bawah peraturan 23, mengikut mana-mana yang berkenaan, tetapi masih dalam amaun maksimum yang kena dibayar di bawah subperaturan (1), amaun kredit hendaklah —

- (a) dalam hal seorang tunggal, dibayar kepadanya dan setakat yang tuntutan itu masih belum dibayar, hendaklah dikenakan terhadap penerimaan tabung itu pada masa hadapan dan dibayar daripada tabung itu apabila terdapat wang yang tersedia dalam tabung itu; atau
- (b) dalam hal terdapat lebih daripada seorang, mengumpukkan di kalangan orang yang membuat tuntutan itu mengikut cara sebagaimana yang bursa saham yang berkaitan fikirkan adil dan setakat yang tuntutan itu belum dibayar, hendaklah dikenakan terhadap penerimaan tabung itu pada masa hadapan dan dibayar daripada tabung itu apabila terdapat wang yang tersedia dalam tabung itu.

Rayuan kepada Suruhanjaya

23. (1) Seseorang yang terkilan dengan suatu penentuan suatu bursa saham yang berkaitan di bawah subperaturan 20(2) atau 21(1), boleh dalam tempoh satu bulan dari penerimaan suatu notis di bawah subperaturan 21(5), merayu kepada Suruhanjaya dan keputusan Suruhanjaya adalah muktamad.

(2) Dalam menentukan suatu rayuan di bawah subperaturan (1), Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala kuasa yang diberikan kepada bursa saham yang berkaitan di bawah peraturan 19 dan 20 dan Penggal 1 Bahagian IV Akta.

(3) Suruhanjaya hendaklah menentukan prosedurnya sendiri dalam mendengar apa-apa rayuan yang dibuat kepadanya terhadap mana-mana penentuan suatu bursa saham yang berkaitan.

(4) Suruhanjaya boleh, berkenaan dengan suatu rayuan di bawah subperaturan (1) –

(a) mengesahkan penentuan suatu bursa saham yang berkaitan;

(b) mengetepikan penentuan suatu bursa saham yang berkaitan itu; atau

(c) menggantikan penentuan suatu bursa saham yang berkaitan dengan penentuannya sendiri.

(5) Suruhanjaya hendaklah memutuskan suatu rayuan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh rayuan itu dibuat kepadanya.

Penangguhan pembayaran sementara menunggu rayuan

24. Tiada pembayaran daripada tabung pampasan boleh dibuat kepada seseorang sehingga –

(a) tamat tempoh yang dalamnya suatu rayuan hendaklah dibuat selaras dengan subperaturan 23(1); atau

(b) penentuan rayuan itu yang dibuat dibawah peraturan 23.

BAHAGIAN VI

TABUNG KESETIAAN

Pentadbiran tabung kesetiaan

25. Suatu tabung kesetiaan yang ditubuhkan dan disenggara oleh suatu bursa niaga hadapan yang berkaitan di bawah seksyen 159 Akta hendaklah ditadbir dengan cara dan di bawah hal keadaan yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini.

Maklumat yang kena diberikan kepada Suruhanjaya

26. Secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, bursa niaga hadapan yang berkaitan hendaklah memaklumkan Suruhanjaya secara bertulis mengenai perkara yang berikut:

- (a) jika tabung itu dilaburkan di bawah perenggan 166(a) Akta –
 - (i) butir-butir institusi berlesen yang dalamnya deposit tetap itu dibuat;
 - (ii) kadar atau kadar-kadar bunga yang berkaitan yang dibayar ke atas deposit tetap bagi tahun kewangan itu;
 - (iii) jumlah amaun bunga yang diterima atas deposit tetap itu bagi tahun kewangan itu; dan
 - (iv) cara dan masa pembayaran bunga itu;
- (b) jika tabung itu dilaburkan di bawah perenggan 166(b) Akta –

- (i) sekuriti yang dalamnya bursa niaga hadapan itu telah melaburkan tabung itu;
 - (ii) kenaikan atau penyusutan nilai bagi pelaburan yang dipegang; dan
 - (iii) dividen yang diisytiharkan dan dibayar berkenaan dengan sekuriti itu;
- (c) amaun yang akan dicaj untuk memenuhi perbelanjaan yang dilakukan atau yang terlibat dalam pentadbiran tabung kesetiaan;
- (d) suatu salinan laporan juruaudit yang dibuat di bawah subseksyen 163(3) Akta; dan
- (e) apa-apa maklumat lain berkenaan dengan tabung itu.

Notis memanggil tuntutan terhadap tabung kesetiaan

27. (1) Suatu bursa niaga hadapan yang berkaitan boleh menyebabkan untuk disiarkan suatu notis bagi memanggil tuntutan terhadap tabung kesetiaan yang menyatakan suatu tarikh, yang tidak lebih awal daripada tiga bulan selepas penyiaran notis itu atau apa-apa tempoh lain yang lebih lama sebagaimana yang boleh ditentukan dalam notis itu, pada atau sebelum tarikh itu tuntutan bagi pampasan boleh dibuat daripada tabung kesetiaan, berhubung dengan perkara yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Notis yang dirujuk dalam subperaturan (1) hendaklah di disiarkan dalam –

- (a) suatu akhbar harian dalam bahasa kebangsaan; dan

(b) suatu akhbar harian dalam bahasa Inggeris,

yang diterbitkan dan diedarkan secara umum di Malaysia.

Tatacara tuntutan

28. (1) Suatu tuntutan bagi pampasan hendaklah dibuat secara bertulis kepada bursa niaga hadapan yang berkaitan –

(a) jika suatu notis di bawah peraturan 27 telah disiarkan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu; atau

(b) jika tiada notis sedemikian disiarkan, dalam tempoh enam bulan selepas pihak yang menuntut menyedari hal keadaan yang disebut dalam seksyen 167 Akta yang menimbulkan tuntutan itu,

(2) Mana-mana tuntutan yang tidak dibuat dalam tempoh yang ditentukan oleh subperaturan (1) tidak boleh dibenarkan melainkan jika bursa niaga hadapan yang berkaitan memutuskan selainnya.

Fungsi dan kuasa bursa niaga hadapan yang berkaitan

29. (1) Bursa niaga hadapan yang berkaitan boleh mewujudkan prosedur yang adil dan munasabah dalam penyiasatannya mengenai apa-apa tuntutan yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Bursa niaga hadapan yang berkaitan, sama ada atas permohonannya atau permohonan mana-mana orang, boleh memanggil dan

memeriksa saksi-saksi yang dianggapnya material dalam penyiasatannya mengenai suatu tuntutan.

(3) Bursa niaga hadapan yang berkaitan hendaklah menyebabkan semua rekod prosidingnya disenggara dalam bentuk yang sewajarnya.

Pengemukakan dokumen

30. (1) Bursa niaga hadapan yang berkaitan boleh pada bila-bila masa menghendaki mana-mana orang untuk memberikan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen atau pernyataan keterangan bagi maksud —

- (a) menyokong suatu tuntutan bagi pampasan daripada tabung kesetiaan bursa niaga hadapan yang berkaitan itu;
- (b) menjalankan kuasanya terhadap suatu anggota gabungan bursa niaga hadapan yang berkaitan itu; atau
- (c) membolehkan prosiding sivil dan jenayah diambil terhadap seseorang berkenaan dengan suatu penggelapan atau penyalahgunaan wang atau harta lain secara fraud.

(2) Bursa niaga hadapan yang berkaitan boleh tidak membenarkan tuntutan seseorang yang tidak memberikan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen atau pernyataan keterangan sebagaimana yang dikehendaki oleh bursa niaga hadapan yang berkaitan itu di bawah perenggan (1)(a) dalam tempoh satu bulan atau apa-apa tempoh lain yang lebih lama sebagaimana yang bursa niaga hadapan yang berkaitan itu boleh menentukan.

Penentuan tuntutan oleh bursa niaga hadapan yang berkaitan

31. (1) Bursa niaga hadapan yang berkaitan hendaklah setelah penyiasatan yang wajar membuat suatu penentuan mengenai perkara yang berikut:

- (a) sama ada tuntutan itu sepatutnya dibenarkan, dibenarkan sebahagiannya atau tidak membenarkan;
- (b) jika tuntutan itu dibenarkan atau dibenarkan sebahagiannya –
 - (i) jumlah amaun pampasan yang ditentukan kena dibayar;
 - (ii) amaun kos munasabah dan pembayaran yang kena dibayar ke atasnya; dan
 - (iii) masa pembayaran amaun yang disebut dalam subperenggan (i) dan (ii); dan
- (c) jika tuntutan itu dibesarkan atau dibenarkan sebahagiannya, syarat-syarat yang hendak dikenakan padanya, jika ada; dan
- (d) jika tuntutan itu dibenarkan sebahagiannya atau tidak dibenarkan, sebab dibenarkan sebahagiannya atau tidak dibenarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Penentuan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan dari tarikh suatu tuntutan dibuat terhadap tabung itu atau dalam tempoh yang lebih lama sebagaimana yang bursa niaga hadapan yang berkaitan boleh membenarkan dalam mana-mana hal tertentu.

(3) Suatu penentuan bursa niaga hadapan yang berkaitan hendaklah dibuat secara bertulis dan boleh berkenaan dengan mana-mana orang atau kelas orang.

(4) Jika bursa niaga hadapan yang berkaitan membuat suatu penentuan, ia hendaklah secepat yang boleh dilaksanakan menyampaikan notis secara bertulis melalui pos berdaftar mengenai penentuannya atas pihak yang membuat tuntutan itu.

(5) Suatu notis penentuan hendaklah –

- (a) menyatakan sama ada tuntutan itu dibenarkan, dibenarkan sebahagiannya atau tidak dibenarkan;
- (b) dalam hal suatu tuntutan yang telah dibenarkan atau dibenarkan sebahagiannya nyatakan yang berikut –
 - (i) jumlah amaun pampasan yang kena dibayar;
 - (ii) amaun kos yang kena dibayar atasnya; dan
 - (iii) masa pembayaran amaun yang disebut dalam subperenggan (i) dan (ii); dan
- (c) dalam hal tuntutan yang dibenarkan atau dibenarkan sebahagiannya, nyatakan syarat-syarat yang akan dikenakan pdanya, jika ada; dan
- (d) dalam hal suatu tuntutan yang telah dibenarkan sebahagiannya atau tidak dibenarkan, menyatakan sebab-

sebab dibenarkan sebahagiannya atau tidak dibenarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Jika bursa niaga hadapan yang berkaitan berpuas hati bahawa suatu kejadian penggelapan atau penyalahgunaan wang atau harta lain secara fraud telah berlaku yang menjadi asas tuntutan itu, boleh membenarkan suatu tuntutan walaupun apa-apa prosiding telah dimulakan atau diambil di suatu mahkamah berkenaan dengan penggelapan atau penyalahgunaan wang atau harta lain secara fraud itu.

Tuntutan bagi pampasan daripada tabung kesetiaan

32. (1) Amaun maksimum pampasan yang boleh dibayar kepada seseorang di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh melebihi lima ratus ribu ringgit bagi setiap pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan aktiviti terkawal dalam perdagangan kontrak niaga hadapan yang merupakan suatu anggota gabungan suatu bursa niaga hadapan yang berkaitan termasuk kos munasabah dan pembayaran dalam membuat dan membuktikan tuntutan, setelah ditolak jumlah amaun atau nilai semua amaun atau faedah lain yang diterima atau boleh diterima oleh seseorang daripada suatu sumber selain daripada tabung dalam pengurangan kerugian.

(2) Jika amaun kredit dalam suatu tabung kesetiaan tidak mencukupi untuk membayar jumlah amaun kesemua tuntutan yang telah dibenarkan di bawah peraturan 31 atau yang berkenaan dengannya suatu keputusan telah dibuat oleh Suruhanjaya di bawah peraturan 33, mengikut mana-mana yang berkenaan, tetapi masih dalam amaun maksimum yang kena dibayar di bawah subperaturan (1), amaun kredit hendaklah –

(a) dalam hal seorang tunggal, dibayar kepadanya dan setakat yang tuntutan itu masih belum dibayar, hendaklah dikenakan

terhadap penerimaan tabung itu pada masa hadapan dan dibayar daripada tabung itu apabila terdapat wang yang tersedia dalam tabung itu; atau

- (b) dalam hal terdapat lebih daripada seorang, mengumpukkan di kalangan orang yang membuat tuntutan itu mengikut cara sebagaimana yang bursa niaga hadapan yang berkaitan fikirkan adil dan setakat yang tuntutan itu belum dibayar, hendaklah dikenakan terhadap penerimaan tabung itu pada masa hadapan dan dibayar daripada tabung itu apabila terdapat wang yang tersedia dalam tabung itu.

(3) Jika agregat kesemua tuntutan bagi pampasan yang telah dibenarkan berkenaan dengan penggelapan atau penyalahgunaan wang atau harta lain secara fraud oleh atau berhubung dengan seseorang pemegang suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan aktiviti terkawal dalam perdagangan kontrak niaga hadapan yang merupakan suatu anggota gabungan suatu bursa niaga hadapan yang berkaitan melebihi jumlah amaun yang boleh dibayar berkenaan dengan pemegang itu, jumlah amaun itu hendaklah diumpukkan di kalangan orang yang membuat tuntutan mengikut cara sebagaimana yang bursa niaga hadapan yang berkaitan fikirkan adil.

(4) Dengan pembayaran daripada tabung jumlah amaun yang selaras dengan perenggan (3) –

- (a) kesemua tuntutan itu; dan
- (b) kesemua tuntutan lain bagi pampasan yang boleh timbul selepas itu atau dibuat berkenaan dengan penggelapan atau penyalahgunaan wang atau harta lain secara fraud,

hendaklah dilepaskan.

Rayuan kepada Suruhanjaya

33. (1) Seseorang yang terkilan dengan suatu penentuan suatu bursa niaga hadapan yang berkaitan di bawah subperaturan 30(2) atau 31(1) boleh, dalam tempoh satu bulan penerimaan notis di bawah subperaturan 31(5), merayu kepada Suruhanjaya dan keputusan Suruhanjaya adalah muktamad.

(2) Dalam menentukan suatu rayuan di bawah subperaturan (1), Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala kuasa yang diberikan kepada bursa niaga hadapan yang berkaitan di bawah peraturan 29 dan 30 dan Penggal 2 Bahagian IV Akta.

(3) Suruhanjaya hendaklah menentukan prosedurnya sendiri dalam mendengar apa-apa rayuan yang dibuat kepadanya terhadap mana-mana penentuan bursa niaga hadapan yang berkaitan.

(4) Suruhanjaya boleh, berkenaan dengan suatu rayuan di bawah subperaturan (1) –

- (a) mengesahkan penentuan bursa niaga hadapan yang berkaitan;
- (b) mengetepikan penentuan bursa niaga hadapan yang berkaitan itu; atau
- (c) menggantikan penentuan bursa niaga hadapan yang berkaitan dengan penentuannya sendiri.

(5) Suruhanjaya hendaklah memutuskan suatu rayuan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh rayuan dibuat kepadanya.

Penangguhan pembayaran sementara menunggu rayuan

34. Tiada pembayaran daripada tabung kesetiaan boleh dibuat kepada seseorang sehingga –

- (a) tamat tempoh yang dalamnya suatu rayuan hendaklah dibuat selaras dengan peraturan 33(1); atau
- (b) penentuan rayuan yang telah dibuat dibawah peraturan 33.

BAHAGIAN VII

Fi

Fi

35. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan –

- (a) permohonan bagi kelulusan suatu bursa saham atau bursa niaga hadapan di bawah seksyen 8 Akta;
- (b) permohonan bagi kelulusan untuk menubuhkan atau mengendalikan suatu pusat penjelasan di bawah seksyen 38 Akta;
- (c) permohonan bagi kelulusan kemudahan elektronik di bawah subseksyen 34(1) Akta;

(d) pemberian, pembaharuan dan variasi suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dan Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Penggal 1 Bahagian III; dan

(e) fi lain di bawah Bahagian III Akta,

adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA
[Peraturan 2]

<u>Aktiviti Terkawal berlesen</u> (1)	<u>Aktiviti Terkawal sampingan</u> (2)
Berniaga dalam sekuriti	Pengurusan kumpulan wang Nasihat pelaburan
Berniaga dalam sekuriti berkaitan dengan unit amanah sahaja	Nasihat pelaburan
Pengurusan kumpulan wang	Berniaga dalam sekuriti Berdagang dalam kontrak niaga hadapan Nasihat pelaburan
Berdagang dalam kontrak niaga hadapan	Pengurusan kumpulan wang Nasihat pelaburan

JADUAL KEDUA

FI
(Peraturan 35)

BAHAGIAN I

<i>Aktiviti</i>	<i>Fi</i> <i>(RM)</i>
Permohonan bagi kelulusan suatu bursa saham atau bursa niaga hadapan di bawah seksyen 8 Akta	1,000.00 bagi permohonan bagi kelulusan 10,000.00 bagi pemberian kelulusan
Permohonan bagi kelulusan untuk menubuhkan atau mengendalikan pusat penjelasan di bawah seksyen 38 Akta	1,000.00 bagi permohonan bagi kelulusan 10,000.00 bagi pemberian kelulusan
Pendaftaran suatu kemudahan elektronik di bawah subseksyen 34(1) Akta	5,000.00 semasa pendaftaran

BAHAGIAN II

Fi berkenaan dengan pemberian, pembaharuan dan perubahan suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dan Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal.

Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal

<i>Aktiviti</i>	<i>Fi yang kena dibayar</i>
1. Permohonan untuk - (a) Lesen; (b) pembaharuan lesen; atau (c) perubahan lesen.	RM50.00
2. Fi lesen yang kena dibayar oleh pemegang lesen yang merupakan suatu syarikat, bagi tempoh 12 bulan atau mana-mana bahagian daripadanya bagi: (a) mana-mana aktiviti terkawal yang pertama; (b) setiap aktiviti terkawal yang berikutnya *	RM2,000.00 RM1,000.00
3. Fi lesen yang kena dibayar oleh suatu pemegang lesen yang merupakan seorang individu, bagi tempoh 12 bulan atau mana-mana bahagian daripadanya bagi apa-apa bilangan aktiviti terkawal.	RM1,000.00
4. Kelulusan permohonan bagi perubahan suatu lesen	RM100.00

Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal

<i>Aktiviti</i>	<i>Fi yang kena dibayar</i>
1. Permohonan untuk - (a) Lesen; (b) pembaharuan lesen; atau (c) pengubahan lesen.	RM50.00
2. Fi lesen yang kena dibayar oleh suatu pemegang lesen yang merupakan seorang individu, bagi tempoh 12 bulan atau mana-mana bahagian daripadanya bagi apa-apa bilangan aktiviti terkawal.	RM200.00
3. Kelulusan permohonan bagi pengubahan suatu lesen	RM100.00

* Jika pada bila-bila masa dalam tempoh sah laku Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal, pemegangnya membuat permohonan untuk mengubah lesen itu bagi menambah suatu aktiviti terkawal, fi lesen yang kena dibayar bagi aktiviti terkawal yang berikutnya itu hendaklah diproratakan mengikut tempoh lesen bagi aktiviti terkawal yang kemudian yang bermula dari kelulusan aktiviti terkawal yang kemudian itu dan hendaklah habis tempoh pada tarikh yang sama dengan lesen bagi aktiviti terkawal yang pertama.

BAHAGIAN III

Jika orang berlesen itu gagal menyerahkan suatu permohonan bagi pembaharuan di bawah perenggan 60(1)(b) Akta, Suruhanjaya boleh menurut subseksyen 60(5) Akta mengenakan suatu fi pembaharuan lewat tidak melebihi seratus ringgit bagi setiap hari atau mana-mana bahagian daripadanya yang pembaharuan itu lewat, tertakluk kepada jumlah maksimum tiga ribu ringgit.

BAHAGIAN IV

Fi Lain

Fi lain yang kena dibayar kepada Suruhanjaya berkenaan dengan Bahagian III Akta.

<i>Perkara</i>	<i>Fi (RM)</i>
1. Penyerahsimpanan atau deposit dokumen	20.00
2. Suatu salinan pengeluaran daftar yang dikehendaki disenggarakan di bawah seksyen 77 Akta atau dibekalkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 88 Akta	10.00
3. Suatu salinan lesen yang disahkan	50.00
4. Penyerahsimpanan mana-mana permohonan lain kepada Suruhanjaya jika tiada fi diperuntukkan secara khusus	50.00

Dibuat September 2007
[; PN(PU2) 662]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua